

Hadapi pencemaran alam untuk maju — PM

J.M. 15 AUG 1992

Ⓟ

Oleh
Sopha Sulaiman

GURUN 14 Ogos - Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata hari ini, negara terpaksa mengalami sedikit pencemaran alam sekitar sekiranya hendak menjadi sebuah negara maju dan kaya.

Namun demikian, ujarnya, kerajaan akan berusaha mengurangkan kesan pencemaran yang berlaku sedaya mungkin daripada pertumbuhan industri-industri negara.

"Kita perlu pilih sama ada untuk kekal menjadi miskin dengan hidup cara lama ataupun hendak membangunkan negara ini," katanya kepada para pemberita selepas melawat Kilang Perwaja Steel di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, walaupun semua pihak risau tentang keadaan alam sekitar akibat pembangunan dalam bidang industri, rakyat terpaksa mengalami sedikit sebanyak tentang keadaan itu.

Sementara itu, beliau memberitahu kerajaan akan membuat kajian terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang langkah untuk mengurangkan kadar caj pelabuhan yang dikatakan terlalu tinggi.

"Kita nak tengok sama ada justifikasi atau tidak untuk kurangkan kos, kalau ia menguntungkan negara walaupun mengurangkan sedikit keuntungan pelabuhan, kita harus timbang," katanya.

Menurut beliau, sekiranya negara dapat membangunkan industrinya dengan lebih pesat, walaupun satu pihak rugi mungkin pada keseluruhannya negara akan mendapat untung.

Penempatan

Sebelum itu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan menjadikan Gurun sebagai kawasan penempatan industri berat di negeri Kedah termasuk mewujudkan industri petrokimia apabila gas dapat disalurkan ke situ.

Katanya, Perwaja Steel di Gurun merupakan projek kedua HICOM selepas kilang simen di Pulau Langkawi.

• Bagaimanapun beliau berpendapat kilang Perwaja mempunyai potensi yang lebih besar untuk berkembang dan akan

dapat menarik lebih banyak lagi industri berat ke kawasan itu, terutama industri yang menggunakan bahan-bahan mentah yang akan dikeluarkan oleh Perwaja.

Mahathir juga melahirkan puas hati terhadap pelaksanaan projek kilang besi Perwaja itu kerana ia dapat dibangunkan dalam masa yang singkat walaupun dicadangkan hanya dua tahun lalu.

Contohnya, pejabat Perwaja hanya mengambil masa 35 hari untuk disiapkan, katanya lagi.

Kilang Perwaja itu yang dibina di atas kawasan seluas 243 hektar menelan

belanja #1.5 bilion, mula dibina pada hujung tahun lalu dan dijangka memulakan operasinya awal tahun depan.

Taklimat

Sebelum itu Perdana Menteri diberi taklimat oleh Pengarah Urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia mengenai kemajuan kilang. Turut sama dalam lawatan itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, anggota-anggota Exco serta ketua-ketua jabatan.

• • • • •